



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **menafikan** dakwaan bahawa Ketua Pengarah Kesihatan telah menarik balik kebenaran berhari raya dan tradisi ziarah ahli keluarga terdekat pada hari raya pertama Aidilfitri kerana ramai telah curi-curi merentas negeri untuk pulang ke kampung. KKM **menegaskan** kenyataan tersebut bukan daripada Ketua Pengarah Kesihatan dan menasihati orang ramai supaya berhenti menyebarkan berita berkenaan bagi mengelakkan kekeliruan.
2. Pihak Pengurusan Pusat Beli-Belah Aman Central (AMAN CENTRAL), Alor Setar, Kedah **menafikan** khabar angin terdapat kes COVID-19 di AMAN CENTRAL seperti yang tular media sosial. Pihaknya **memberi jaminan** bahawa AMAN CENTRAL selamat untuk dikunjungi oleh orang ramai.

Pasukan Respons Pantas
KKMM
22 Mei 2020 | 12.30 Tengah hari

